

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



8/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	LEBIH 28,000 TERIMA BANTUAN JKM DI MELAKA SEPANJANG 2024		POSITIF
	https://www.melakahariini.my/lebih-28000-terima-bantuan-jkm-di-melaka-sepanjang-2024/	MELAKAHARIINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KAMPUNG BACHANG DARAT BAKAL DAPAT SRA, TADIKA JAIM		POSITIF
	https://www.melakahariini.my/kampung-bachang-darat-bakal-dapat-sra-tadika-jaim/	MELAKAHARIINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	JKM SARAWAK SALUR BAKUL MAKANAN KEPADA MANGSA BANJIR DI SENTOSA		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/07/jkm-sarawak-salur-bakul-makanan-kepada-mangsa-banjir-di-sentosa	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	CENTRE POINT SABAH SAMPAIKAN BANTUAN KEPADA MANGSA BANJIR DI PITAS		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/07/centre-point-sabah-sampaikan-bantuan-kepada-mangsa-banjir-di-pitas	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	LELAKI OKU KUTIP MAKANAN 'EXPIRED' ISI PERUT ANAK		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/07/lelaki-oku-kutip-makanan-expired-isi-perut-anak/	KOSMO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



8/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	SUAMI ISTERI KESEMPITAN HIDUP SEHINGGA DUA BULAN TINGGAL DI DALAM KERETA DIBANTU EXCO		NEUTRAL
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1184860/suami-isteri-kesempitan-hidup-sehingga-dua-bulan-tinggal-di-dalam-kereta	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	PASANGAN OKU BIMBANG BUMBUNG RUMAH ROBOH		NEUTRAL
	https://malaysiagazette.com/2025/02/07/pasangan-oku-bimbang-bumbung-rumah-roboh/	MALYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	BOMOH DIDAKWA CEDERAKAN ISTERI		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/07/bomoh-didakwa-cederakan-isteri/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	GURU DIDAKWA AMANG SEKSUAL MURID, SIMPAN 180 GAMBAR ANIAYA KANAK-KANAK		NEGATIF
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/guru-didakwa-amang-seksual-murid-simpan-180-gambar-aniaya-kanakkanak-507670	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/711382/berita/semasa/guru-didakwa-amang-seksual-murid-simpan-180-gambar-aniaya-kanak-kanak#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



8/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	PEMBANTU KEDAI MAKAN MENGAKU SALAH TINGGALKAN BAYI BARU LAHIR DI KEDAI MAKAN		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/02/1184852/pembantu-kedai-makan-mengaku-salah-tinggalkan-bayi-baru-lahir-di-kedai-makan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/711393/berita/semasa/pembantu-kedai-makan-mengaku-salah-tinggalkan-bayi-di-kedai-makan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2390221	BERNAMA.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1358475/pembantu-kedai-mengaku-tinggalkan-bayi-baru-dilahirkan-di-kedai-makan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/07/pembantu-kedai-mengaku-salah-tinggalkan-bayi-di-kedai-makan/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pembantu-kedai-makan-mengaku-bersalah-tinggalkan-bayi-perempuan-di-kedai-makan-507676	ASTROAWANI.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/woman-pleads-guilty-to-abandoning-her-newborn-baby-at-restaurant-KA13643966	THESUN.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/pembantu-kedai-mengaku-salah-tinggalkan-bayi	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://selangorkini.my/2025/02/wanita-mengaku-salah-tinggal-bayi-baru-lahir-di-kedai-makan/	SELANGORKINI.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2390231	BERNAMA.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=oRWSA1q72ok	YOUTUBE	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/ibu-empat-anak-mengaku-salah-tinggalkan-bayi/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	WARGA EMAS DIDAKWA AMANG SEKSUAL BUDAK LAPAN TAHUN		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/warga-emas-didakwa-amang-seksual-budak-lapan-tahun/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



8/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	GURU KAUNSELING DIDAKWA AMANG SEKSUAL MURID		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1358466/warga-emas-dipenjara-6-tahun-lakukan-amang-seksual-fizikal-terhadap-cucu	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1184844/datu-k-angkat-mengaku-lakukan-amang-seksual-fizikal-dipenjara-6-tahun-1	HMETRO.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=ej1Kx5ePOw4	YOUTUBE	
	https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2025/02/datuk-amang-seksual-budak-sekolah-dipenjara-disebat/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	WARGA EMAS DIPENJARA 6 TAHUN LAKUKAN AMANG SEKSUAL FIZIKAL TERHADAP CUCU ANGKAT		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1358466/warga-emas-dipenjara-6-tahun-lakukan-amang-seksual-fizikal-terhadap-cucu	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1184844/datu-k-angkat-mengaku-lakukan-amang-seksual-fizikal-dipenjara-6-tahun-1	HMETRO.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=ej1Kx5ePOw4	YOUTUBE	
	https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2025/02/datuk-amang-seksual-budak-sekolah-dipenjara-disebat/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KALSOM pada Temu Bual Eksklusif Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat DUN Pengkalan Batu di MelakaFM.

LEBIH 28,000 TERIMA BANTUAN JKM DI MELAKA SEPANJANG 2024

NURSALIAWATI SALBERI
JUMAAT, 7 FEBRUARI 2025 @ 9:30

Masa Membaca: 1 Minit, 17 Saat

BANDARAYA MELAKA 7 Februari – Sejumlah lebih RM135 juta disalurkan kerajaan kepada penerima bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Negeri Melaka sepanjang tahun lalu.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Datuk Kalsom Noordin berkata, jumlah itu meliputi beberapa jenis bantuan antaranya, Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Sumbangan Perayaan dan Bantuan Mesra Lampin Pakai Buang Dewasa.

“Sepanjang tahun lalu JKM menerima peruntukan sebanyak RM135.413 juta jumlah ini termasuk peruntukan daripada Kerajaan Negeri iaitu sejumlah RM16.182 juta.

“Peruntukan diterima itu memberi manfaat kepada 28,609 penerima sepanjang tahun lalu termasuk 5,210 daripada mereka adalah penerima bantuan lampin pakai buang.

“Selain bantuan, beberapa program juga turut diadakan antaranya Program 2 Years Exit Programme (2YEP) bagi menggalakkan penerima bantuan berdikari menerusi penglibatan secara aktif dalam pekerjaan atau program untuk menjana pendapatan,” katanya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pengkalan Batu berkata demikian ketika ditemui selepas Temu Bual Eksklusif Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat DUN Pengkalan Batu di MelakaFM, di sini, semalam.

Menurut Kalsom, selain memfokuskan aspek kebajikan, turut diberi perhatian adalah inisiatif pemeraksanaan dan pembangunan wanita menerusi pelbagai program.

“Menerusi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) kita mengadakan beberapa kempen dan program khas untuk wanita seperti Program Penjanaan Pendapatan, Kemahiran Wanita, Program Advokasi Anti Gangguan Seksual, Kempen Hentikan Keganasan Terhadap Wanita serta Program Literasi Perundangan dan Hak-Hak Wanita.

“Malah menerusi advokasi dan kempen dilakukan, kesedaran masyarakat dalam melaporkan kes keganasan sama ada terhadap wanita atau kanak-kanak mula meningkat tidak lagi seperti sebelum ini,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KALSOM bersama Hameed meninjau tapak pembinaan SRA dan Tadika JAIM. Foto Muhammad Rasul Azli Samad

KAMPUNG BACHANG DARAT BAKAL DAPAT SRA, TADIKA JAIM

NORAFIQAH JAMAL
JUMAAT, 7 FEBRUARI 2025 @ 10:44

Masa Membaca: 1 Minit, 25 Saat

PENGKALAN BATU 7 Februari – Sebuah Sekolah Rendah Agama (SRA) Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan Tadika JAIM bakal dibina di Kampung Bachang Darat pada tahun ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pengkalan Batu Datuk Kalsom Noordin berkata, majlis pecah tanah akan diadakan bersempena Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (W.R.U.R) Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Batu yang bermula 10 Februari depan.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri berkata, SRA JAIM baharu itu akan memuatkan sehingga 360 pelajar manakala tadika JAIM itu boleh menampung sehingga 100 pelajar.

“Pelaksanaan pembinaan sekolah ini akan dibuat oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri yang menelan kos RM6 juta, yang mana objektif pembinaan ini untuk menampung keperluan pelajar dari kawasan Pasir Putih, Bachang.

“Di samping itu juga kita menyediakan bangunan sekolah dan tadika yang serba lengkap untuk keperluan pelajar di kawasan ini dan seterusnya menyediakan kemudahan kepada masyarakat setempat dan mengembangkan ilmu menerusi platform pembelajaran yang kondusif dan selesa,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada Melaka Hari Ini ketika ditemui selepas mengadakan lawatan kerja di Kampung Bachang Darat dan Kampung Pengkalan Batu, di sini, semalam.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pengangkutan negeri, Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datin Sapiyah Haron serta kenamaan lain.

Mengulas lanjut, Kalsom berkata SRA dan tadika JAIM itu bakal mempunyai enam unit bilik darjah; dua unit surau; bilik wuduk lelaki dan perempuan; 12 unit tandas lelaki dan perempuan serta pelbagai lagi.

“Semua kemudahan infrastruktur dan kelengkapan murid dan pelajar kita akan sediakan untuk murid-murid ini selesa menimba ilmu, selain menampung pertambahan jumlah penduduk di kawasan ini,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : JKM SARAWAK SALUR BAKUL MAKANAN KEPADA MANGSA BANJIR DI SENTOSA

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 8 FEB 2025

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

JKM Sarawak salur bakul makanan kepada mangsa banjir di Sentosa

SIBU: Sebanyak 148 bakul makanan telah disalurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak kepada penduduk di Kampung Usahajaya Baru, Sentosa, Salim di sini yang terkesan akibat banjir, sekali gus memastikan keperluan mangsa dapat dipenuhi dengan segera.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Assek Joseph Chieng berkata, bantuan ini disalurkan dalam tempoh tiga hari selepas perbincangan diadakan bersama Residen Bahagian SibU untuk merancang tindakan yang tepat dan pantas.

“Pasukan pembahagian bantuan dibahagikan mengikut komuniti kampung ini untuk memastikan penyaluran bantuan berjalan lancar.

“Tiga kumpulan dibentuk mengikut komuniti Melayu-Melanau, Cina, dan Iban yang masing-masing turun padang untuk memantau keadaan semasa serta membantuproses pendaftaran mangsa banjir,” katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan penyerahan bantuan tersebut kepada 148 ketua isi rumah (KIR) di SK Sentosa di sini, semalam.

Chieng turut menjelaskan situasi banjir di SibU berbeza berbanding dengan Bintulu dan Miri yang turut dibangkitkan dalam pertemuannya dengan Premier Sarawak baru-baru ini.

Kebanyakan penduduk jelasnya lagi, memilih untuk berpindah ke tempat yang lebih tinggi misalnya di tingkat atas rumah masing-masing atau menumpang di kediaman saudara-mara berbanding berpindah ke pusat pemindahan sementara

(PPS), sekali gus menyukarkan usaha penyaluran bantuan.

Di samping itu, beliau memaklumkan bahawa Projek Tebatan Banjir Fasa 2 di kampung berkenaan yang dilaksanakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sarawak kini sedang dalam proses reka bentuk.

“Selepas Projek Tebatan Banjir Fasa 1 dijangka siap menjelang akhir April ini baharulah Projek Tebatan Banjir Fasa 2 akan bermula.

“Namun disebabkan cuaca buruk dan hujan lebat berkemungkinan ia akan mengganggu proses kelancaran kerja seterusnya berkemungkinan menyebabkan Projek Tebatan Banjir Fasa 1 mengalami sedikit kelewatan,” jelasnya.

Beliau memberitahu bahawa Projek Tebatan Banjir Fasa 2 merupakan elemen penting dalam usaha mengurangkan sepenuhnya kesan banjir di kawasan kampung tersebut.

Justeru, Chieng mengingatkan penduduk kampung tersebut agar bersabar sepanjang tempoh pembinaannya yang mungkin membawa gangguan lalu lintas dan risiko banjir kilat.

“Pasukan saya akan sentiasa memantau keadaan dan berhubung rapat dengan pihak kontraktor untuk memastikan aliran air lancar, dengan arahan untuk membuka sistem perparitan setiap kali hujan turun,” katanya lagi.

Beliau juga meluahkan rasa simpati terhadap nasib penduduk kampung yang terkesan terutamanya dengan keadaan rumah yang dimasuki air, menyaksikan paras banjir mencecah satu kaki.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Centre Point Sabah sampaikan bantuan kepada mangsa banjir di Pitas

🕒 Februari 7, 2025, Jumaat - 8:17am



KENANGAN: Pasukan Centre Point Sabah menyerahkan sumbangan di Pusat Derma Kebajikan Pitas dengan bantuan anggota tentera dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Am Daerah Pitas, Muhainah Masdali.

KOTA KINABALU: Centre Point Sabah berjaya melaksanakan program bantuan bencana kepada komuniti yang terjejas akibat banjir di Pitas menerusi kempen 'Warm Hearts, Share Kindness'.

Pegawai Perhubungan Awam Centre Point Sabah, Meredith Madani berkata, dengan sokongan luar biasa daripada orang ramai, kempen ini berjaya mengumpulkan 380 kilogram pakaian campuran, 50 karton air mineral, barangan keperluan asas bernilai RM200, 100 tin sardin dan 10 bungkus mi udang kering.

Katanya, bagi memperkukuhkan lagi inisiatif ini, pihak pengurusan Centre Point Sabah turut menyumbang 62 bungkus beras (5kg setiap satu), 100 tin sardin, 100 bungkus biskut dan 93 bungkus kopi.

Secara keseluruhan katanya, inisiatif ini telah memberi manfaat kepada lebih 100 keluarga yang terjejas akibat banjir di Pitas baru-baru ini. Ia selaras dengan usaha tanggungjawab sosial korporat (CSR) pusat beli-belah ini.

"Kemusnahan akibat banjir di Pitas amat menyedihkan...Kami bersimpati terhadap mereka yang terjejas akibat bencana ini, kami juga amat berterima kasih kepada orang ramai dan para penaja atas sumbangan mereka.

"Program ini adalah bukti semangat kemasyarakatan yang kukuh dan komitmen kami dalam membantu mereka yang memerlukan," katanya dalam kenyataan di sini.

Menurutnya, inisiatif itu berjaya direalisasikan dengan tajaan daripada Gorilla Production Sdn. Bhd. (Band of Gorilla) dan Persatuan Sukan Elektronik Negeri Sabah.

Katanya, Centre Point Sabah turut merakamkan penghargaan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Pitas serta angkatan tentera yang membantu memastikan bantuan disampaikan kepada mereka yang benar-benar memerlukan.

"Kempen ini komited dalam menyalurkan bantuan tepat pada masanya serta memupuk budaya keprihatinan dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Centre Point Sabah berharap dapat meneruskan usaha seumpamanya serta menggalakkan orang ramai untuk terus menyumbang kepada bantuan kemanusiaan yang sedang berjalan," katanya.

Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif kebajikan yang akan datang, orang ramai digalakkan untuk mengunjungi platform media sosial rasmi Centre Point Sabah atau menghubungi pejabat pengurusan pusat beli-belah di talian 088-246900.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki OKU kutip makanan 'expired' isi perut anak

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN 7 Februari 2025, 8:30 am



Jani (kanan) bersama isteri dan anak-anak ketika ditemui di rumahnya di Kuala Nerus semalam.

KUALA NERUS – Kerana desakan hidup, seorang lelaki orang kelainan upaya (OKU) fizikal terpaksa mengutip makanan tamat tempoh di kedai runcit dan pasar raya sekitar daerah ini bagi memastikan perut tiga anak dan isterinya terisi.

Jani Yusof, 62, yang mengalami kecacatan pada kaki berkata, pendapatan sebagai pengutip besi buruk bersama isteri, Maznah Abu Bakar, 43, sebanyak RM200 sebulan tidak mencukupi untuk menyara mereka lima beranak. Tiga anak pasangan itu berusia dua hingga lapan tahun.

“Saya terpaksa tebalkan muka kutip produk makanan seperti biskut, serbuk teh, kopi, rempah ratus dan susu pekat manis yang tamat tempoh, tapi masih elok.

“Saya juga akan membawa pulang bawang merah, bawang putih dan telur yang masih selamat dimakan untuk dijadikan lauk harian,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Darat Batu Rakit di sini semalam.

Jani berkata, dia menerima bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM450 dan RM4,000 setahun daripada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.

Wang simpanannya pula digunakan untuk membina rumah secara ala kadar. Kanvas dan kain rentang yang dikutip di tempat pembuangan sampah dijadikan dinding sementara kerana kekurangan modal.

Kain perca pula digunakan sebagai pemisah tempat tidur dalam rumah tersebut.

Jani mengakui keluarganya kerap kebasahan kerana terkena tempias hujan sepanjang musim tengkujuh.

Lelaki itu merayu kepada mana-mana pihak membantunya membina rumah untuk kelesaan isteri dan anak-anaknya yang masih kecil.

Orang ramai boleh menghulurkan sumbangan menerusi akaun Bank Simpanan Nasional atas nama Jani bernombor **1110229000203323** atau menghubungi lelaki itu di talian **019-4133790**.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PASANGAN DUA BULAN DUDUK DALAM KERETA DAPAT BANTUAN

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 8 FEB 2025

M/SURAT : 21

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

Pasangan dua bulan duduk dalam kereta dapat bantuan



MOHD Jafni melihat kenderaan pasangan di Masjid Kota Iskandar.

Iskandar Puteri: Pasangan suami isteri yang sempit hidupan dan berdepan masalah kewangan sehingga terpaksa tinggal di dalam kereta serta berpindah randah selama dua bulan bersama keluarganya, mendapat perhatian kerajaan negeri.

Kisah pasangan itu dikongsikan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan

Kerajaan Tempatan Johor Datuk Mohd Jafni Md Shukor di akaun Facebooknya semalam.

“Semalam (kelmarin) ketika solat zuhur di Masjid Kota Iskandar, saya dimaklumkan ada sepasang suami isteri yang dua bulan tinggal di dalam kereta dan berpindah randah kerana terpaksa mengosongkan rumah sewa atas faktor ke-

sempitan hidupan dan masalah kewangan.

“Saya kemudiannya maklumkan perkara itu kepada Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Johor Khairin-Nisa Ismail dan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Johor Mohd Fared Mohd Khalid untuk membantu pasangan

suami isteri ini,” katanya dalam muat naik berkenaan.

Mohd Jafni yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Permai berkata, pihaknya juga meminta pegawai Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor untuk segera menempatkan pasangan berkenaan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kempas Permai di bawah Unit Kecemasan PKPJ.

“Sebelum waktu Maghrib petang semalam (kelmarin) dengan bantuan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) di bawah penyelarasan Mohd Fared, pasangan itu dipindahkan ke PPR Kempas.

“JKM di bawah penyelarasan Khairin Nisa juga akan memberikan bantuan yang bersesuaian bagi memastikan pasangan ini boleh meneruskan hidup mereka,” katanya.

Jualan air kelapa jatuh, tak mampu bayar deposit rumah

Johor Bahru: Harga rumah sewa yang perlu dibayar bersama deposit tiga bulan, menyebabkan pasangan suami isteri di sini, tiada pilihan dan terpaksa tinggal di dalam kereta serta berpindah randah selama dua bulan.

Faiq Lubis Mat Jaya, 39, berkata, dia dan isterinya, Rohana Abu Bakar, 43, mengambil keputusan tinggal sementara di dalam kereta susulan kehilangan pendapatan sebagai penjual air kelapa sejak dua bulan lalu.

Menurutnya, musim tengkujuh yang melanda menyebabkan jualan air kelapa dan buah berkenaan jatuh merudum sehingga menjejaskan pendapatan keluarga.

“Saya dan isteri mengambil keputusan keluar dari rumah sewa di Gelang Patah berikutan pendapatan kami terjejas dan tinggal sementara di dalam kereta yang parkir di masjid dan surau kawasan

Iskandar Puteri.

“Kami berdua berikhtiar dan gigih mengumpul wang sebagai penghantar makanan bagi membolehkan kami mengumpul duit bagi menyewa rumah baharu.

“Sewa rumah yang tinggi yang perlu dibayar bersama deposit tiga bulan menyebabkan kami berdua memerlukan masa lebih lama dan terpaksa tinggal di dalam kereta buat sementara waktu.

“Namun, kami bersyukur Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Johor Datuk Mohd Jafni Md Shukor, prihatin sehingga menegur dan bertanya masalah kami ketika beliau singgah bersolat Zuhur di Masjid Jamek Kota Iskandar, tempat kereta kami parkir,” katanya.

Dia berkata demikian ketika ditemui di rumah sewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kempas Permai di sini, semalam.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pasangan OKU bimbang bumbung rumah roboh

Oleh Zazrina Zainuddin - 7 February 2025



Mohd Nor Effendy Abdul Wahab dan Nurfarhana Sallehhodin menunjukkan bumbung rumahnya rosak dimakan anai-anai

KUANTAN – “Saya cuma mahu tempat tinggal yang selamat untuk saya dan isteri.”

Itu luahan Mohd Nor Effendy Abdul Wahab, 40 yang merupakan orang kelainan upaya (OKU) ketika ditemui di rumahnya di Kampung Chengal Lempong, di sini hari ini.

Kini dia dan isterinya, Nurfarhana Sallehhodin, 33 yang juga seorang OKU menghidap Vaskulatis menetap di rumah pusaka tinggalan ibunya sejak lebih lima tahun lalu.

“Tapi, dalam dua tahun lepas, keadaan atap rumah ni semakin teruk sebab dimakan anai-anai dan bila-bila masa berisiko akan roboh.

“Paling teruk di kawasan dapur. Memang ada perancangan untuk membaiki atap dan siling, tapi disebabkan kekudanya sudah teruk dimakan anai-anai, jadi ia sangat susah untuk dibaiki,” katanya.



Mohd Nor Effendy Abdul Wahab dan isteri Nurfarhana Sallehhodin

Menerusi tinjauan *MalaysiaGazette*, bukan sahaja di bahagian dapur malah keadaan bumbung di bahagian bilik dan ruang tamu rumah itu juga memerlukan pembaikan berikutan kebocoran yang teruk.

Effendy yang hanya menjual burger untuk menyara kehidupan ada memohon kepada ketua kampung untuk membina sebuah rumah di tanah pusaka bersebelahan rumah tersebut.

“Tak sangka pula permohonan saya tu sampai ke pihak Pejabat Perdana Menteri (PM). Kami berterima kasih sebab keprihatinan mereka menziarah baru-baru ini dan mengambil maklum permohonan untuk rumah baharu,” kata Effendy lagi.

Bercerita lanjut, Effendy berkata, dia diserang strok ketika menjual burger dalam kejadian pada tahun 2014. Pada waktu itu, dia juga sedang menjaga ibunya yang terlanter sakit akibat strok.

Bagaimanapun, dia tetap cekal dan melalui prosedur rawatan bertahun lamanya selain menjalani fisioterapi di Pusat Rehabilitasi Perkeso, di Durian Tunggal, Melaka bagi membolehkan dia bekerja semula demi kelangsungan hidup.

Di situlah dia bertemu isteri tersayang, Nurfarhana dan kini mereka bersama-sama mengusahakan gerai burger yang terletak tidak jauh daripada rumah pusaka tersebut.

“Nak mohon kerja lain, tak boleh. Tapi tulah, jual burger ni pendapatan kami tak menentu. Hanya terima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM450 setiap seorang,” katanya lagi.



Motosikal empat roda diubah suai Mohd Nor Effendy Abdul Wahab untuk kemudahan dia dan isteri ke klinik

Effendy juga cekal menyimpan duit untuk mengubahsuai motosikal dimilikinya supaya memudahkan mereka untuk berulang ke klinik untuk pemeriksaan.

“Tak mahu susahkan orang lain. Tak kan asyik meminta tolong untuk ke klinik, hospital. Setiap tiga bulan sekali saya ada temu janji,” jelasnya lagi.

Baru-baru ini Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Ahmad Farhan Fauzi sempat mewakili Datuk Seri Anwar Ibrahim menziarahi kediaman mereka di sini.

Bagi mereka yang mahu membantu pasangan ini, boleh berbuat demikian dengan menyalurkan bantuan ke akaun Maybank milik Mohd Nor Effendy Abdul Wahab seperti berikut: (MBB : 156178033082) – *MalaysiaGazette*

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bomoh didakwa cederakan isteri

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI 7 Februari 2025, 5:31 pm



Gambar hiasan

JOHOR BAHRU – Seorang lelaki yang bekerja sebagai perawat di sebuah pusat rawatan Islam didakwa di Mahkamah Majistret di sini hari ini atas dakwaan mencederakan isterinya, awal bulan ini.

Tertuduh, Fahmi Akmal Ahmad, 33, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret, Nur Fatin Mohamad Farid.

Berdasarkan kertas pertuduhan, bapa kepada tiga anak itu telah mendatangkan kecederaan terhadap isterinya di rumah beralamat di Taman Scientex, Pasir Gudang dekat sini pada pukul 10 pagi, 2 Februari lalu.

Atas kesalahan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 326A akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun jika sabit kesalahan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Seri Alam, Asisten Komisioner Mohd. Sohaimi Ishak berkata, pihaknya menerima laporan polis berhubung kejadian tersebut daripada mangsa iaitu wanita berusia 35 tahun pada 2 Februari lalu.

“Mangsa yang bekerja sebagai guru mendakwa telah disepak suaminya di bahagian badan dan kaki, selain ditumbuk di kepala. Suaminya turut mengambil pisau dan mengacukan kepada isterinya sambil mengugut mahu menikam mangsa.

“Kejadian dipercayai berpunca apabila suaminya marah kerana mangsa enggan memberikan wang ketika diminta,” ujarinya sambil memberitahu suspek ditahan pada hari sama di kediaman mereka.-KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Guru didakwa amang seksual murid, simpan 180 gambar aniaya kanak-kanak

Sinar Harian
07/02/2025 13:00 MYT



Mohd Kharulnizam hadir ke Mahkamah Sesyen Seremban hari ini. - Gambar/ Sinar Harian

SEREMBAN: Seorang guru kaunseling dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak muridnya dan menyimpan 180 gambar serta video penganiayaan kanak-kanak, dua tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Kharulnizam Muslin, 45, bagaimanapun mengaku tidak bersalah bagi tiga pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim, Datin Surita Budin.

Mengikut dua pertuduhan, tertuduh telah melakukan amang seksual fizikal terhadap dua kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun yang mana tertuduh mempunyai hubungan amanah dengan mangsa sebagai guru kaunseling.

Kesalahan itu dilakukan di dalam bilik kaunseling sebuah sekolah rendah di sini, pada awal hingga akhir Mei 2023 dan awal September 2023 antara jam 1 tengah hari hingga 4 petang.

Berikutan itu tertuduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan dibaca bersama Seksyen 16(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh juga disebat.

Selain itu, tertuduh didapati dalam milikannya komputer riba mengandungi 180 gambar dan video bahan penganiayaan seksual kanak-kanak.

Kesalahan itu dilakukan pada 12 Disember 2023 di sebuah rumah di Taman Warisan Puteri di sini.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 10 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara tidak lebih lima tahun atau denda tidak lebih RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

Timbalan Pendakwa Raya, Nor Baizura Mohd Saubian menawarkan jaminan RM30,000 bagi setiap pertuduhan dengan syarat-syarat tambahan.

Peguam, Mohamad Zahid Ahmad merayu dengan menyatakan jaminan terhadap anak guamnya adalah sangat tinggi dan membebankan.

"Anak guam saya ialah pewartawakan dan sekarang tidak lagi mengajar dan ditempatkan di Pejabat Pendidikan Daerah Seremban, isterinya pula hanya suri rumah.

"Saya mohon agar jaminan minimum diberikan kerana tertuduh mempunyai dua anak masih bersekolah berusia 11 tahun dan empat tahun," katanya.

Tambahnya, tertuduh juga memberi kerjasama yang baik sepanjang siasatan dilakukan dan bersedia menerima apa-apa syarat tambahan ditetapkan.

Mahkamah membenarkan jaminan RM30,000 bagi kesemua pertuduhan dengan syarat tambahan perlu melapor diri di balai polis berhampiran setiap bulan, tidak mengganggu mangsa dan saksi pendakwaan.

Sekiranya ada pasport, perlu diserahkan kepada mahkamah sehingga perbicaraan selesai dan sebutan semula kes 7 Mac depan. - Sinar Harian

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : MENGAKU TINGGAL BAYI BARU LAHIR DI KEDAI MAKAN

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 8 FEB 2025

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Mengaku tinggal bayi baru lahir di kedai makan

Kangar: Seorang pembantu kedai makan mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas kesalahan meninggalkan seorang bayi perempuan yang baharu dilahirkan di sebuah kedai makan di Sanglang pada bulan lalu.

Tertuduh, Nor Zainab Jamaludin, 30, dari Kampung Permatang Bongor, Simpang Empat di sini, hanya mengaku faham dan mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Ana Rozana Abdul Rahim.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Nor Zainab didakwa meninggalkan seorang bayi perempuan yang baharu dilahirkannya di sebuah kedai makan di Kampung Rama, Sanglang kira-kira jam 6.30 pagi pada 19 Januari lalu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut seksyen yang sama.

Pendakwaan dilaksanakan oleh Tengku Ruqayyah Tengku Shahrom, manakala tertuduh diwakili peguam, Siti Hajar Che Ahmad dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).

Tengku Ruqayyah dalam permohonannya meminta mahkamah menetapkan jaminan kepada tertuduh sebanyak RM20,000 serta satu tarikh baru bagi menunggu laporan kimia dan laporan forensik.

Namun permohonan jaminan itu dibantah oleh Siti Hajar yang melihat bahawa mahkamah dapat memberikan jaminan munasabah kepada anak guamnya disebabkan wanita itu adalah rakyat Perlis dan bukanlah seorang 'flight risk' yang berkemungkinan akan melarikan diri.

Selain itu, Siti Hajar memberitahu mahkamah bahawa anak guamnya sudah berkahwin serta mempunyai empat tanggungan anak masih bersekolah.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Warga emas didakwa amang seksual budak lapan tahun



SEORANG warga emas dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban hari ini, atas pertuduhan melakukan amang seksual ke atas kanak-kanak perempuan berusia lapan tahun di Port Dickson, empat tahun lalu. -UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

Oleh NOR AINNA HAMZAH 7 Februari 2025, 3:28 pm

SEREMBAN: Seorang warga emas didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini, atas pertuduhan melakukan amang seksual ke atas seorang kanak-kanak perempuan berusia lapan tahun di Port Dickson, empat tahun lalu.

Tertuduh, Said Sapie, 72, bagaimanapun membuat pengakuan tidak bersalah di hadapan Hakim, Datin Surita Budin selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh telah melakukan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak itu kira-kira pukul 1 tengah hari pada Mac 2021.

Oleh itu, tertuduh didakwa di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh juga disebat.

Timbalan Pendakwa Raya, Nor Baizura Mohd Saubian kemudiannya menawarkan wang jaminan sebanyak RM20,000 dengan seorang penjamin bagi setiap pertuduhan, berserta syarat tambahan iaitu tertuduh perlu melaporkan diri sebulan sekali di balai polis berhampiran.

Bagaimanapun, tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu agar jaminan dikurangkan kerana dia tidak bekerja selain menjaga cucu kerana kematian anaknya.

Mahkamah kemudiannya membenarkan jaminan sebanyak RM10,000 bagi setiap pertuduhan dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan lapor diri di balai polis berhampiran serta tidak mengganggu mangsa dan semua saksi.

Tarikh sebutan semula kes ditetapkan 7 Mac ini. -UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : GURU KAUNSELING NAFI NODA 2 MURID

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 8 FEB 2025

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Guru kaunseling nafi noda 2 murid

Seremban: Guru kaunseling dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas dua pertuduhan melakukan amang seksual fizikal masing-masing terhadap dua murid, dua tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Kharulnizam Muslin, 45, yang mengaku tidak bersalah hadapan hakim, Datin Surita Budin turut berdepan satu pertuduhan menyimpan 180 gambar dan video penganiayaan seksual kanak-kanak, dua tahun lalu.

Tertuduh turut tidak mengaku bersalah atas pertuduhan itu selepas ia dibacakan jurubahasa mahkamah.

Mengikut dua pertuduhan, tertuduh melakukan amang seksual fizikal terhadap dua kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun yang mana tertuduh mempunyai hubungan amanah dengan mangsa sebagai guru kaunseling.

Kesalahan itu dilakukan antara jam 1 tengah hari hingga 4 petang di dalam bilik kaunseling sebuah sekolah kebangsaan di Seremban 2, pada awal hingga akhir Mei 2023 dan awal September 2023.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : WARGA EMAS PEROSAK CUCU

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 8 FEB 2025

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Oleh Norzamira
Che Noh
am@hmetro.com.my

Klang

Seorang warga emas dijatuhi hukuman penjara enam tahun dengan satu sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, selepas mengaku bersalah melakukan amang seksual fizikal terhadap cucu angkat perempuannya pada minggu lalu.

Hukuman itu dijatuhkan apabila tertuduh yang berusia 67 tahun mengaku salah selepas pertuduhan dibacakan kepadanya di hadapan Hakim Noridah Adam.

Menurut kertas pertuduhan, warga emas itu melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa yang berusia 13 tahun di sebuah rumah di sekitar Kuala Selangor, 1 Februari lalu.

Justeru, dia melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak - Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan juga sebatan.

Timbalan Pendakwa Raya Nur 'Ayuni Jamri memohon mahkamah mengenakan hukuman setimpal dikenakan mengambil kira faktor mangsa baru berusia 13 tahun ketika kejadian.

Katanya, hubungan

WARGA EMAS PEROSAK CUCU

Dijel enam tahun dengan satu sebatan selepas mengaku salah atas tuduhan amang seksual fizikal



TERTUDUH dijel enam tahun dengan satu sebatan di Mahkamah Sesyen, Klang. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

mangsa dan tertuduh juga baik kerana warga emas itu adalah datuk angkat kepada mangsa dan mereka tinggal bersama.

Katanya, tertuduh juga sepatutnya menjaga mang-

sa tetapi mengkhianati dengan melakukan perbuatan terkutuk kepada mangsa.

Nur 'Ayuni juga memohon perintah mahkamah supaya menjalani kaunseling selain pengawasan po-

lis selama dua tahun selepas tamat tempoh penjara berkenaan.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu agar mahkamah meringankan hukuman dengan alasan

2 tahun

Tempoh pengawasan polis selepas tamat hukuman penjara

dia masih menanggung dua anak yang masih belajar.

Noridah kemudian memerintahkan tertuduh dipenjara enam tahun dari tarikh tangkapan dan turut dikenakan satu sebatan.

Tertuduh juga diperintah menjalani kaunseling selain pengawasan polis selama dua tahun selepas tamat tempoh penjara berkenaan.

Media sebelum ini melaporkan seorang lelaki warga emas antara dua individu diberkas polis bagi membantu siasatan kes itu.

Laporan mengenai kejadian itu dibuat datuk saudara mangsa Sabtu lalu selepas remaja perempuan itu mengadu kepadanya.